

YPEIM perkenal tiga produk baru

Oleh Kadir Dikoh

BH 2 - DEC 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat - Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) memperkenalkan tiga produk baru bagi menggalak serta memudahkan masyarakat beramal jariah melalui penggunaan teknologi terkini.

Tiga produk terbabit ialah Skim e-Jariah, Skim Tele-Jariah dan Skim Auto-Jariah yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempena kempen sebulan beramal jariah di Pusat Islam di sini, hari ini.

Produk itu dibangunkan dengan kerjasama institusi yang terbabit secara langsung di bidang berkenaan, seperti Maybank, Bank Islam (M) Sdn Bhd (BIMB) dan Telekom Malaysia.

Skim e-Jariah adalah satu penambahan kepada skim sedia ada dalam program pengukuhan amalan sadaqatul jariah anjuran YPEIM. Melalui skim ini masyarakat boleh membuat sumbangan secara "on-line" melalui transaksi kad kredit dan perkhidmatan "Internet Banking Services".

Sumbangan kepada YPEIM boleh dibuat melalui laman web e-jariah iaitu www.e-jariah.com.my, www.ypeim.net.my atau www.maybank2u.com.

Skim Tele-Jariah pula diperkenalkan YPEIM dengan kerjasama Telekom Malaysia dan Maybank Berhad. Melalui kaedah ini, semua pelanggan Telekom dan Maybank boleh membuat sumbangan hanya

Orang ramai boleh memberi sumbangan jariah menerusi perkhidmatan transaksi kad kredit dan Internet Banking Services

dengan membuat panggilan telefon.

Sumbangan boleh dibuat dengan memanggil talian tele-jariah YPEIM 600-86-7757. Panggilan dikenakan caj RM3.90 bagi setiap minit dan setiap caj yang dikenakan adalah sumbangan pemanggilnya kepada tabung Tele-Jariah YPEIM.

Sumbangan melalui "Maybank Kawanku Phone Banking" pula ditawarkan kepada semua pemegang akaun Maybank dan penggunaan hanya perlu menghubungi 03-2389191. Sumbangan akan terus didebitkan daripada akaun pen-derma.

Skim Auto-Jariah adalah bagi memudahkan masyarakat menyumbang melalui kemudahan yang ditawarkan oleh institusi kewangan. Sumbangan boleh dilaksanakan secara tetap iaitu mingguan, bulanan atau tahunan serta melalui mesin juru wang automatik (ATM).

Sumbangan boleh disalurkan melalui perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi kewangan yang dikenal pasti seperti arahan tetap (SI), auto debit dan mesin ATM.

Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YPEIM, Datuk Ahmad Tajudin Abdul Rahman, berkata pe-

laksanaan tiga skim yang berasaskan perkembangan teknologi terkini itu, dianggap sebagai langkah berkesan dalam menjayakan kempen beramal jariah.

"Kempen ini hanya bertujuan mewujudkan momentum baru dalam proses pembudayaan beramal jariah. Ini bererti pelaksanaan skim yang dianjurkan ini, akan berterusan pada bila-bila masa sehingga tanggungjawab kita semua dapat disempurnakan," katanya.

Beliau berkata, setakat ini dua juta orang mendapat manfaat daripada pelbagai program yang dilancarkan yaysan itu bagi membantu pembangunan sosio-ekonomi masyarakat.

Antara program itu ialah skim mikro kredit (Ar Rahn), skim amanah niaga bandar, skim usaha perintis, skim peniaga kecil berdaya maju, program kece-merlangan komuniti dan skim kecemerlangan pendidikan anak-anak yatim.

Katanya, keperluan terhadap program berkenaan terus meningkat dari semasa ke semasa dan bagi perancangan lima tahun akan datang, keperluan pembiayaan termasuk untuk pengembangannya dianggarkan berjumlah RM260 juta bagi faedah lebih lima juta orang.